

**SOALAN NO: 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH  
[PUTATAN]**

**TARIKH : 25 MAC 2014**

**SOALAN :**

**DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [PUTATAN] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan:-**

(a) jumlah kes pencerobohan di perairan Sabah sejak kawasan keselamatan khas Pantai Timur Sabah - ESSCOM ditubuhkan dan tindakan yang telah diambil agar ianya tidak berulang lagi; dan

(b) selain aset sedia ada, adakah pihak Kerajaan bersedia untuk menggunakan aset seperti kenderaan udara tanpa pemandu (Drone-Unmanned Aerial Vehicle) bagi tujuan pengawasan kawasan ESSCOM.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut rekod ESSCOM, tiada sebarang pencerobohan baru yang dilakukan oleh kumpulan pengganas yang menggelarkan diri mereka "Askar Diraja Sulu". Ini adalah hasil kejayaan kesemua agensi-agensi keselamatan, penguatkuasaan dan pertahanan dalam memastikan pantai Timur Sabah selamat serta bebas dari anasir yang tidak dikehendaki. Di samping itu, kesemua agensi-agensi tersebut telah dilengkapkan dengan aset t yang dapat meningkatkan keupayaan mengesan anasir-anasir ini dan juga aset yang boleh tindakan diambil dengan segera.

Bagaimanapun terdapat beberapa kes cubaan untuk mencerobohi perairan negara dari kalangan Pendatang Tanpa Izin (PTI) dan penyeludup. Namun mereka telah berjaya di tahan oleh agensi penguatkuasaan khususnya Pasuka Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang sentiasa siapsiaga mengawasi perairan pantai Timur Sabah.

Kerajaan sememangnya telah menggunakan "Unmanned Aerial Vehicle – (UAV)" dalam membuat pengawasan udara. Pihak ATM khususnya telah pun menggunakan UAV sejak tahun 2008 lagi. Tindakan pemantauan ini dibuat di bawah seliaan Angkatan Tentera Bersama (ATB2) yang berpangkalan di Tawau, Sabah. Selain daripada itu, ATM juga telah menggunakan alat pengawasan lain seperti radar dan juga pengimej haba (*thermal imager*) di samping penggunaan pesawat udara

dari TUDM dan Pasukan Gerak Udara (PDRM) untuk mengesan sebarang pencerobohan di perairan ESSZONE. Kesemua alat pengawasan ini adalah saling melengkapi dan akan terus digunakan di kawasan operasi.

Sekian. Terima kasih.

**NO. SOALAN: 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [ IPOH TIMOR ]**

**TARIKH : 25 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6551**

**SOALAN:**

**Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes penipuan atau pemalsuan kad kredit yang melibatkan penyalahgunaan maklumat individu-individu dalam tempoh tahun 2008-2013. Apakah statistik kes-kes yang telah diselesaikan oleh PDRM.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak polis sedar dan peka tentang peningkatan kes-kes penipuan atau pemalsuan kad kredit yang melibatkan penyalahgunaan maklumat individu. Kes sedemikian merupakan *trend* jenayah masa kini yang bukan sahaja berlaku di negara ini tapi berlaku di seluruh dunia memandangkan penggunaan kad kredit telah menjadi budaya masyarakat kini.**

**Statistik kes yang melibatkan kes penipuan pemalsuan kad kredit dari tahun 2008 hingga 2013 adalah seperti berikut:-**

BIL	TAHUN	JUMLAH KES	JUMLAH KERUGIAN	KES DITUDUH DI MAHKAMAH
1	2008	279	RM2,314,840.88	22
2	2009	580	RM4,662,398.74	68
3	2010	457	RM2,658,431.63	112
4	2011	429	RM8,345,571.54	26
5	2012	237	RM2,978,166.58	70
6	2013	135	RM1,542,199.00	85
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>2,117</b>	<b>RM22,501,608.37</b>	<b>383</b>